

PELAKSANAAN MANDATORI e-107D DAN PERUBAHAN TERIMAAN BAYARAN CUKAI DI PUSAT PENGURUSAN TERIMAAN HASIL KUALA LUMPUR MULAI 01 JANUARI 2025

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah melaksanakan pelbagai langkah penambahbaikan bagi proses perkhidmatan percukaian selaras dengan polisi mewajibkan penggunaan e-Perkhidmatan bagi semua urusan percukaian yang telah disediakan secara dalam talian melalui gerbang MyTax bermula 1 Januari 2024.

Mulai 1 Januari 2025 dimaklumkan bahawa HASiL akan melaksanakan perubahan melibatkan perkhidmatan seperti berikut:

A. Pengemukaan Penyata Bayaran Seksyen 107D secara elektronik (e-107D)

Pengemukaan maklumat bayaran kepada ejen, pengedar atau pengagih (individu pemastautin) di bawah seksyen 107D Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 sebelum ini dilaksanakan secara manual. Sehubungan dengan pelaksanaan mandatori ini, pembayar cukai perlu mengemukakan Borang CP 107D secara dalam talian dengan menggunakan kaedah **e-107D** yang telah disediakan.

Pembayaran potongan cukai seksyen 107D juga perlu dibuat secara elektronik dengan menggunakan Nombor Bil dan boleh dilakukan melalui kaedah-kaedah berikut:

- ByrHASiL di https://byrhasil.hasil.gov.my/HITS_EP/; atau
- Financial Process Exchange (FPX) menerusi pautan ByrHASiL.

B. Bayaran Cukai di Pusat Pengurusan Terimaan HASiL Kuala Lumpur (PPT HKL)

Layanan terimaan bayaran cukai secara manual di PPT HKL adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Bayaran	Layanan
1.	Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) - Pegangan cukai 3% oleh pemeroleh hartanah di bawah seksyen 21B Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (ACKHT)1976 (Borang CKHT502)	DIHENTIKAN
2.	Cukai Pegangan	
3.	Cukai Pendapatan Penghibur Awam	
4.	Bayaran potongan cukai 2% terhadap pembayaran komisen oleh syarikat pembayar kepada ejen, pengedar atau pengagih (Seksyen 107D, ACP 1967)	MASIH DITERIMA
5.	Bayaran Kompaun	
6.	Cukai Pendapatan - (Menggunakan kad debit/kad kredit yang dikeluarkan di Malaysia)	



@HASiL_Malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia

Sebagai maklumat tambahan, bayaran bagi kategori cukai yang tidak lagi diterima secara manual boleh dilaksanakan menerusi platform berikut dengan menggunakan Nombor Bil atau Nombor Pengenalan Cukai/*Tax Identification Number* (TIN) sebagai rujukan bayaran:

- Secara dalam talian melalui Portal Rasmi HASiL (ByrHASiL) dan portal perbankan internet Bank Ejen HASiL;
- Tunai menerusi Kaunter Pos Malaysia dan Bank Ejen HASiL, Mesin Deposit Tunai Bank Ejen HASiL, Mesin Juruwang Automatik (ATM) Bank Ejen HASiL tertentu;
- Pindahan Telegrafik (*Telegraphic Transfer*), Pindahan Dana Elektronik (EFT) dan Pindahan Giro Antara Bank (IBG) menggunakan Sistem e-TT bagi pembayar cukai yang mempunyai akaun bank di Malaysia dan juga pembayar cukai yang mempunyai akaun bank di luar Malaysia.

HASiL yakin pelaksanaan mandatori dan penambahbaikan perkhidmatan dalam talian ini dapat memudahkan urusan percukaian pembayar cukai serta mencorak satu norma baharu rakyat Malaysia ke arah pendigitalan sepenuhnya pada masa hadapan.

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 31 Disember 2024



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia